

# AADK babitkan wanita banteras dadah

Oleh Nasir Abd Wahab  
anasir@bharian.com.my

**A**GENSI Antidadah Kebangsaan (AADK) akan memperkenalkan satu lagi program baru dikenali Masyarakat Wanita Menentang Dadah (Mawadah) dalam usaha memperluaskan lagi skop pencegahan penyalahgunaan dadah di negara ini.

Ketua Pengarahnya, Datuk Abu Bakir Zin, berkata program itu yang akan membabitkan penyertaan golongan wanita termasuk yang bergelar ibu, diperkenalkan susulan kejayaan dua program terdahulu iaitu Rakan Antidadah (Rada) dan Gerak Gempur Dadah (Gempadah).

"Program baru ini yang akan dilancarkan tidak lama masa lagi, bakal memberi peluang kepada wanita khususnya ibu memainkan peranan aktif mencegah penyalahgunaan dadah dalam komuniti masing-masing," katanya selepas

perasmian Seminar Bandaraya Asia Menentang Dadah (Ascad) ketiga di Hotel Avillion Legacy, Melaka, baru-baru ini.

Program dua hari anjuran bersama Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) dan AADK yang dirasmikan Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam itu dihadiri lebih 250 peserta daripada beberapa bandar raya Asia.

Turut hadir, Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Othman Mohamad; Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Wira Omar Kaseh dan Datuk Bandar Melaka Bandaraya Bersejarah yang juga Pengerusi Ascad, Yusof Jantan.

Sempena program itu, peserta turut berpeluang melawat beberapa pusat serenti dan rumah pemulihan akhlak di negeri ini termasuk Pusat Serenti Remaja Tiang Dua di Ayer Molek, Pusat Serenti Tampin dan AADK Jasin.

Mengulas lanjut, Abu Bakir berkata, gerak gempur



MOHD ALI merasmikan Seminar Bandaraya Asia Menentang Dadah, baru-baru ini.

penyalahgunaan dadah akan terus dilaksanakan dengan menggerakkan pelbagai lapisan masyarakat termasuk menerusi sokongan badan bukan kerajaan (NGO), selain penguatkuasaan undang-undang.

Katanya, setakat ini, terdapat kira-kira 7,000 penagih tegar yang sedang menjalani rawatan pemulihan di pusat pemulihan dadah seluruh negara, manakala 33,000 lagi menjalani pemulihan menerusi kaedah penyesuaian dalam komuniti.

"Walaupun jumlah itu dianggap kecil, AADK sememangnya mengakui kelicikan sindiket dadah dalam memerangkap bela negara ini terjebak dengan kegiatan tidak bermoral itu.

"Jadi, pemantauan dan penguatkuasaan akan terus dilaksanakan tanpa jemu, khususnya pusat hiburan di seluruh negara yang dikenal pasti berpotensi dijadikan sarang pengedaran dadah," katanya.